

Dr. Mahathir terima hadiah jam bagi perjalanan menakjubkan ke Antartika

Um - 14/10/2004: 2 Perdana

PUTRAJAYA 13 Okt. — Bagi perjalanan menakjubkan ke Antartika dua tahun lepas, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menerima jam *Amundsen Oslo* daripada seorang saudara mendiang Roald Amundsen, lelaki pertama menakluki Kutub Utara kira-kira 92 tahun lepas.

Hadiah itu adalah sebagai penghargaan atas usaha bekas pemimpin negara itu sebagai pengerusi Ekspedisi Solo Jelajah Antartika 2004/2005.

Dr. Mahathir menerima jam itu daripada cicit mendiang Amundsen, Jorgen Amundsen, iaitu pengasas *Amundsen Oslo*, sebuah syarikat pembuat jam tangan khas di Oslo yang menghasilkan rekaan jam yang tahan lasak dalam keadaan paling sukar di dunia.

Antara yang hadir pada majlis penyampaian di sini ialah Duta Norway ke Malaysia, Arild Eik dan Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir, wanita tempatan yang akan cuba melakukan ekspedisi sejauh 1,100km dari Kutub Selatan ke Hercules Inlet di Antartika pada Disember ini.

Roald Amundsen dan anggota pasukan memacak bendera Norway di Kutub Selatan pada 14 Disember, 1911.

Diiringi isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd. Ali dan 70 anggota lain, Dr Mahathir melakukan lawatan ke



DR. MAHATHIR Mohamad menerima jam buatan Norway, *Amundsen Oslo* yang dicipta dengan daya tahan tinggi untuk semua keadaan cuaca sebagai cenderamata yang disampaikan oleh Jorgen Amundsen (kiri) di Putrajaya, semalam. Turut menerima cenderamata ialah Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir (kanan).

Antartika dari 5 hingga 13 Februari 2002.

Sebelum itu, dalam majlis berasingan, Dr. Siti Hasmah menyampaikan sumbangan sejumlah RM146,000 kepada lapan badan kebajikan dan rumah kebajikan serta seorang budak berusia tiga

tahun yang menghidapi palsy serebrum, perkembangan otak yang tidak normal.

Sumbangan itu dikumpul pada majlis makan malam Persatuan Bolasepak Norwich City yang diadakan sempena lawatan pasukan

itu ke Malaysia pada Julai lepas.

Antara penerima sumbangan itu ialah Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia, Rumah Amal Hashimiah, Persatuan Kanak-Kanak Istimewa Kajang dan Pertubuhan Keluarga

Orang-orang Bermasalah Pembelajaran.

Kakitangan Proton, Mohamed Noor Ahmad, menerima RM4,000 bagi pihak anaknya, Luqman Al-Qaiyum yang menderita penyakit palsy serebrum. — Bernama